



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI
KETUA PENGARAH
JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN
JABATAN STANDARD MALAYSIA

1 DISEMBER 2022

DEWAN MENARA CYBER AXIS

Pendahuluan

Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara;
Assalamualaikum mulanya kata,
Saya sembah pembuka bicara.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Standard Malaysia bagi bulan Disember 2022.

Warga Kerja Baharu JSM

Sebagaimana yang semua sedia maklum, kita telah berjaya mengisi kekosongan jawatan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan pada 22 Ogos 2022. Selamat datang sekali lagi saya ucapkan kepada Puan Nurhayati binti Abd. Razak ke JSM. Saya juga mengalu-alukan kedatangan Encik Muhammad Naszman bin Bukhari, Akauntan baharu yang telah melapor diri pada 17 Oktober 2022, beliau menanggung tugas sehingga 31 Oktober 2022 dan telah memulakan tugas secara rasmi selepas itu. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, terus mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas serta memudah urus hal-hal di Bahagian Khidmat Pengurusan bagi membantu JSM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.

Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan terus berjaya dalam melaksanakan tanggungjawab baharu kelak.

Aktiviti dan Program JSM

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pelbagai aktiviti telah berjaya Jabatan laksanakan sehingga Oktober 2022. Antaranya adalah Majlis Amanat Bersama Pengerusi MSDAM, Hari Sukan Negara, Seminar GMP di Sabah dan Sarawak, Seminar Anti-Bribery Management Systems (ABMS), Program ESCAPE- Occupational Health and Safety Management Systems, dan juga MITI Day 2022 yang diadakan pada 16 Oktober lalu di perkarangan Melawati Mall. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam program ini. Semua bahagian telah menghantar wakil dan alhamdulillah program berjalan dengan lancar dan selamat. Pastiya dengan kerjasama padu antara semua bahagian, program-program Jabatan kita dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih kepada semua. Saya berharap agar kita sentiasa bekerjasama, saling membantu dalam satu pasukan.

Team work makes the dream works!

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan pelaksanaan program-program yang telah kita adakan baru-baru ini seperti Forum Bersama Jawatankuasa Pembangunan Standard (SDC Forum), Forum Bersama Badan Penilaian Pematuhan, Bengkel Technical Barriers to Trade (TBT) serta Refresher Standard Operating Procedure yang telah diadakan baru-baru ini.

Kita juga sedia maklum terdapat beberapa program pada peringkat antarabangsa yang telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan JSM serta saya sendiri antaranya seperti:

IEC GM di San Francisco, USA

Around 2000 participants representing 90 countries took part in this meeting. Keynote speakers for the event include Laurie E. Locascio, the US Under Secretary of Commerce for Standards and Technology. This year, IEC GM 2022 which officially begins on Monday 31 October 2022, will focus on the importance of standardisation in support of global commerce removing barriers to trade and sustainable development goals. International standards and conformity assessment enable businesses to access new markets and innovate on products that can be consumed around the world.

Malaysia, as the member body to IEC, has been actively participated in various TC/SC. In total, 396 experts were nominated from various interest group to participate in the standard development. Interest group are mainly from industry players, consumer association, academia, regulatory bodies and government representatives.

IEC standardisation work also helps to protect both people and the environment and, in this context, delegates will learn more about the IEC Global Impact Fund, launched earlier this year, and how it will help to solve specific environmental, social and governance challenges by using international standards and conformity assessment.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga JSM yang telah mendapat Anugerah Pekerja Contoh Bulanan. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan dan juga menjadi contoh kepada semua warga JSM yang lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.

Hadirin sekalian,

Semua sedia maklum bahawa Pilihan Raya Umum (PRU-15) telah diadakan baru-baru ini. JSM di bawah MITI akan tetap meneruskan kecemerlangan kita selama 26 tahun ini. Saya amat berharap perbezaan fahaman politik dikteipikan dalam usaha kita sebagai penjawat awam menggalas dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita.

Pelancaran Program Baharu

Saya juga difahamkan kita akan melancarkan dua (2) program baharu pada hari ini iaitu:

- i. **Program akreditasi kembara pelancongan (*Adventure Tourism*) di bawah Accreditation of Certification Bodies (ACB) Scheme**

Pematuhan kepada standard ini oleh operator pelancongan dapat memastikan pengurusan rekod keselamatan yang lebih baik, mengukuhkan reputasi sebagai pembekal perkhidmatan pelancongan yang selamat dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan. Ini seterusnya boleh membawa kepada maklum balas positif daripada pengguna perkhidmatan

pelancongan, meningkatkan pendapatan, penglibatan kakitangan yang lebih baik, dan hubungan yang lebih baik dengan rakan kongsi perniagaan, pembekal, pihak pengawal selia dan lain-lain pihak yang berkepentingan.

ii. **Bidang pengujian (*Network Testing*) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)**

Perkhidmatan akreditasi bagi bidang *network testing* ini akan membantu untuk memperkukuhkan keyakinan kepada penyedia perkhidmatan rangkaian jalur lebar dan pereka produk telekomunikasi. Bidang baharu ini merangkumi aspek keselamatan perkakasan, aplikasi, sistem dan infrastruktur yang berasaskan teknologi rangkaian.

Warga JSM yang saya kasihi sekalian,

Pelancaran Portal Baharu JSM

Kita juga mengambil kesempatan untuk melancarkan Portal Baharu Jabatan pada hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Portal dan Intranet yang telah berhempas pulas mencari idea, mengadakan bengkel dalam menambah baik reka bentuk dan kandungan portal dan intranet JSM. Saya berharap agar isi kandungan portal ini akan sentiasa dikemas kini dalam menyampaikan maklumat yang relevan dari semasa ke semasa.

Selain itu saya juga mengambil kesempatan untuk mengajak warga kerja JSM untuk sama-sama kita *like* dan *follow* media sosial JSM seperti Facebook, Intagram, Twitter dan yang terbaharu TikTok. Promosi di media sosial penting dalam meningkatkan visibiliti Jabatan kepada orang awam dan juga *stakeholders* kita. UKS telah mengambil inisiatif dalam mengemaskini posting-posting seperti bengkel-bengkel, forum, makmal-makmal yang telah diakredit dan juga poster-poster promosi aktiviti yang melibatkan JSM di media sosial. Terus kita sama-sama *like* dan *follow* akaun media sosial JSM.

Penutup

Saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya terhadap komitmen dan kesungguhan semua pegawai dan kakitangan Jabatan sehingga ke hari ini. Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif.

Semoga setiap apa yang dilakukan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah. Sekalung tahniah dan terima kasih tidak terhingga juga kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan Perhimpunan Bulanan JSM berjalan dengan lancar. Sentiasa jaga diri dan jaga kesihatan anda.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.